

# JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG

## 2. PEMBAYARAN ELAUN GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN



### OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada pembayaran elaun guru KAFA diuruskan dengan teratur mengikut pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa.



**Jumlah Semakan**

**350 rekod**

### APA SEPATUTNYA



- Guru yang bercuti tanpa elaun tidak dibayar elaun semasa bercuti



- Guru yang berhenti, ditamatkan dan bersara tidak dibayar elaun



### APA YANG BERLAKU

**RM111,939**

- » Elaun dan caruman majikan masih dibayar bagi guru yang bercuti tanpa elaun

**RM147,809**

- » Elaun dan caruman majikan masih dibayar kepada guru yang telah berhenti, ditamatkan dan bersara



**PEMBAYARAN  
TIDAK TERATUR  
RM259,748**

### RUMUSAN AUDIT



Pembayaran elaun guru KAFA di JAIP tidak diurus dengan teratur.

**3 SYOR  
AUDIT**



# JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG

## 2. PEMBAYARAN ELAUN GURU KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN

### FAKTA UTAMA

|                                                                                                     |                                                                                                         |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>RM103.33 Juta</b><br>Terimaan Akaun Kumpulan Wang Amanah KAFA bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 | <b>RM102.84 Juta</b><br>Perbelanjaan Akaun Kumpulan Wang Amanah KAFA bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 |
| <b>RM87.60 Juta</b><br>Bayaran elaun guru KAFA bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021                   | <b>2,575 Guru KAFA</b><br>Dilantik secara kontrak di seluruh Negeri Pahang sehingga tahun 2021          |

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) adalah suatu program berkonsepkan pengukuhan asas Pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardu Ain. Sehingga 31 Disember 2021, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah melantik seramai 2,575 guru KAFA secara kontrak untuk mengajar kelas KAFA di seluruh Negeri Pahang. Guru KAFA dibayar elaun menggunakan peruntukan Akaun Kumpulan Wang Amanah KAFA. Selain elaun, guru KAFA juga layak menerima kemudahan seperti cuti rehat khas sebanyak tujuh hari dan cuti sakit tidak melebihi 15 hari setahun serta cuti tanpa elaun bagi tujuan mengerjakan umrah atau haji dan cuti bersalin tidak melebihi 60 hari.

1.2. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, jumlah terimaan Akaun Kumpulan Wang Amanah KAFA adalah sebanyak RM103.33 juta dan perbelanjaan pula berjumlah RM102.84 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM87.60 juta telah dibelanjakan bagi bayaran elaun guru KAFA. Sehingga 31 Disember 2021, baki Akaun Kumpulan Wang Amanah KAFA adalah berjumlah RM0.87 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KEDUDUKAN AKAUN KUMPULAN WANG AMANAH KAFA DI JAIP TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| PERKARA                      | 2019<br>(RM Juta) | 2020<br>(RM Juta) | 2021<br>(RM Juta) | JUMLAH<br>(RM Juta) |
|------------------------------|-------------------|-------------------|-------------------|---------------------|
| Baki pada 1 Januari          | 0.38              | 0.97              | 0.23              | -                   |
| Terimaan                     | 30.99             | 34.43             | 37.91             | 103.33              |
| Perbelanjaan                 | 30.40             | 35.17             | 37.27             | 102.84              |
| <b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b> | <b>0.97</b>       | <b>0.23</b>       | <b>0.87</b>       | <b>-</b>            |

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Akaun Kumpulan Wang Amanah KAFA

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan sama ada pembayaran elaun guru KAFA telah diuruskan dengan teratur mengikut pekeliling dan peraturan yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan di JAIP, Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) Kuantan, PAID Pekan dan PAID Temerloh terhadap pembayaran elaun guru KAFA bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021. Semakan dibuat terhadap 172 rekod cuti tanpa elaun guru KAFA dan 178 rekod peletakan jawatan/penamatan serta persaraan guru KAFA.

3.2. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak dokumen dan rekod, menganalisis data berkaitan serta mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai dan pihak terlibat untuk mendapatkan penjelasan lanjut terhadap isu berbangkit.

## 4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan mulai 22 November 2021 hingga 31 Januari 2022 dan maklum balas daripada JAIP telah diterima pada 25 Mei 2022. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan pada 26 September 2022. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

### 4.1. Elaun Guru KAFA Terlebih Bayar Berjumlah RM259,748

4.1.1 Perkara 6, Arahan Akaun Amanah Kumpulan Wang Rancangan KAFA menetapkan pengawalan dan pengurusan akaun hendaklah dikendalikan mengikut peruntukan-peruntukan dalam Arahan Perbendaharaan dan lain-lain peruntukan kewangan yang dikeluarkan di bawah Akta Prosedur Kewangan 1957.

4.1.2. Arahan Perbendaharaan 102 (a) pula menetapkan Pegawai Pengawal atau wakilnya memperakui tentang betulnya setiap butir dalam baucar itu. Pegawai yang memperakui adalah bertanggungjawab bahawa perkhidmatan atau bekalan telah diterima dengan sempurna, perhitungan dan pengiraan adalah betul serta penerima yang dinamakan dalam baucar itu adalah pihak yang berhak menerima bayaran.

4.1.3. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 10.3 Lampiran A (ix) menjelaskan perkara yang ditafsirkan sebagai pembayaran tidak sepatutnya adalah apa-apa bayaran yang disahkan yang mengakibatkan pembayaran lebih atau pembayaran dua kali.

4.1.4. Peruntukan bagi pembayaran elaun guru KAFA yang diterima oleh JAIP daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di bawah Akaun Kumpulan Wang Amanah KAFA adalah berdasarkan bilangan guru KAFA yang masih berkhidmat dalam tahun semasa.

4.1.5. Proses kerja Mengurus Pembayaran Elaun Guru KAFA dan Guru Ganti pula menetapkan Penyelia KAFA Negeri hendaklah menghantar dokumen pembayaran elaun ke Bahagian Khidmat Pengurusan (Kewangan) untuk proses semakan dan kelulusan bayaran.

4.1.6. Semakan Audit terhadap **172 rekod cuti tanpa elaun guru KAFA dan 178 rekod peletakan jawatan/penamatan serta persaraan guru KAFA mendapati elaun guru KAFA terlebih bayar** seperti berikut:

#### 4.1.6.1 Cuti Tanpa Elaun

- a. Garis Panduan KAFA Tahun 2011 Perenggan 50 (1)(b) menyatakan guru KAFA layak untuk mengambil cuti tanpa elaun menggunakan Borang Permohonan Cuti Tanpa Elaun (Borang J).
- b. Seramai 61 daripada 172 sampel guru KAFA yang bercuti tanpa elaun telah dibayar elaun dan caruman majikan berjumlah RM111,939 semasa mengambil cuti tersebut. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**BILANGAN GURU KAFA YANG BERCUTI TANPA ELAUN BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| TAHUN         | ELAUN BULANAN (RM) | BIL. GURU BERCUTI TANPA ELAUN | BIL. GURU BERCUTI TANPA ELAUN DAN DIBAYAR | JUMLAH TERLEBIH BAYAR |                   |                     |                |
|---------------|--------------------|-------------------------------|-------------------------------------------|-----------------------|-------------------|---------------------|----------------|
|               |                    |                               |                                           | ELAUN (RM)            | KWSP MAJIKAN (RM) | SOC SO MAJIKAN (RM) | JUMLAH (RM)    |
| 2019          | 900                | 43                            | 7                                         | 7,100                 | 1,139             | -                   | 8,239          |
| 2020          | 1,000              | 55                            | 24                                        | 27,483                | 3,582             | 273                 | 31,338         |
| 2021          | 1,000              | 74                            | 30                                        | 63,250                | 8,231             | 881                 | 72,362         |
| <b>JUMLAH</b> |                    | <b>172</b>                    | <b>61</b>                                 | <b>97,833</b>         | <b>12,952</b>     | <b>1,154</b>        | <b>111,939</b> |

Sumber: Fail JAIP dan SIMPENI

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati daripada 61 guru KAFA tersebut, enam guru telah selesai membuat bayaran balik berjumlah RM7,508, tujuh guru telah membuat bayaran balik berjumlah RM10,945 dan masih mempunyai tunggakan berjumlah RM6,618. Baki lagi 48 guru tidak pernah membuat bayaran balik berjumlah RM86,868.
- d. Perkara ini berlaku disebabkan tarikh/bulan bayaran elaun diberhentikan tidak selaras dengan tarikh/bulan sebenar guru bercuti tanpa elaun yang diluluskan. Kesannya, sejumlah RM93,486 elaun guru KAFA telah terlebih bayar menyebabkan risiko kehilangan wang awam sekiranya elaun tersebut gagal dikutip balik.

## Maklum Balas JAIP pada 25 Mei dan 3 Oktober 2022

Pihak JAIP sedang meneliti semula maklumat guru KAFA yang bercuti tanpa elaun bagi mengenal pasti jumlah elaun terlebih bayar tersebut. Pihak JAIP akan memantau dan menyemak semula proses pembayaran elaun untuk memastikan pemotongan elaun bagi guru KAFA yang bercuti tanpa elaun dibuat mengikut tempoh yang telah diluluskan.

Pihak JAIP telah mengeluarkan surat kutipan balik elaun KAFA dan bayaran emolumen bagi guru yang bercuti tanpa elaun pada bulan Jun 2022. Setakat 3 Oktober 2022, enam daripada 55 guru KAFA tersebut telah membuat bayaran balik sejumlah RM10,058.

### 4.1.6.2. Peletakan Jawatan/Penamatan/Persaraan Guru KAFA

- Berdasarkan proses kerja Merancang, Menyelaras dan Mengurus Peletakan Jawatan/Penamatan/Persaraan Guru KAFA menetapkan Penyelia KAFA Negeri bertanggungjawab menguruskan surat peletakan jawatan/penamatan/persaraan guru KAFA dan menghantar surat tersebut kepada guru berkenaan berserta salinan kepada PAID dan Bahagian Kewangan JAIP. Pembayaran elaun guru KAFA hendaklah diberhentikan apabila perkhidmatannya ditamatkan berikutan peletakan jawatan/penamatan/persaraan.
- Seramai 37 daripada 178 sampel peletakan jawatan/penamatan/ persaraan guru KAFA telah dibayar elaun berjumlah RM130,200 selepas tarikh peletakan jawatan/penamatan/persaraan guru KAFA bagi tempoh antara satu hingga 35 bulan. Dua daripada 37 guru KAFA tersebut telah membuat bayaran balik berjumlah RM2,034.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati sejumlah RM16,926 caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) majikan telah dibayar kepada KWSP bagi 37 guru KAFA berkenaan. Ini menyebabkan **keseluruhan elaun dan caruman KWSP majikan yang terlebih bayar kepada guru KAFA yang meletakkan jawatan/tamat perkhidmatan/bersara adalah berjumlah RM147,809**. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**BILANGAN GURU KAFA YANG**  
**LETAK JAWATAN/TAMAT PERKHIDMATAN/BERSARA**  
**DAN JUMLAH ELAUN TERLEBIH BAYAR BAGI TEMPOH 2019 HINGGA 2021**

| PERKARA                          | BILANGAN GURU KAFA | ELAUN TERLEBIH BAYAR (RM) | KWSP MAJIKAN (RM) | SOC SO MAJIKAN (RM) | JUMLAH (RM)    |
|----------------------------------|--------------------|---------------------------|-------------------|---------------------|----------------|
| Letak Jawatan/Tamat Perkhidmatan | 26                 | 51,100                    | 6,643             | 683                 | 58,426         |
| Bersara                          | 11                 | 79,100                    | 10,283            | -                   | 89,383         |
| <b>JUMLAH</b>                    | <b>37</b>          | <b>130,200</b>            | <b>16,926</b>     | <b>683</b>          | <b>147,809</b> |

Sumber: Fail JAIP dan SIMPENI

- d. Perkara ini berlaku disebabkan kelewatan pemakluman mengenai peletakan jawatan/penamatan/persaraan guru KAFA antara satu hingga 35 bulan daripada pihak Penyelia KAFA Negeri/Daerah kepada Bahagian Kewangan JAIP. Selain itu, surat pemulangan dan penyata pengiraan lebihan bayaran elaun tidak disediakan bagi membuat tuntutan bayaran balik elaun terlebih bayar daripada guru KAFA berkenaan.

### Maklum Balas JAIP pada 25 Mei dan 3 Oktober 2022

Pihak JAIP sedang meneliti semula maklumat guru KAFA yang telah meletakkan jawatan/tamat perkhidmatan/bersara bagi mengambil tindakan untuk mengeluarkan surat tuntutan bayaran balik elaun terlebih bayar tersebut. Selain itu, pihak JAIP akan menambah baik pemantauan terhadap proses pembayaran dan kutipan balik elaun guru KAFA bagi memastikan tidak berlaku elaun terlebih bayar pada masa akan datang.

Pihak JAIP telah mengeluarkan surat kutipan balik elaun KAFA dan bayaran emolumen bagi guru yang telah meletakkan jawatan/ditamatkan perkhidmatan/bersara pada bulan Jun 2022. Setakat 3 Oktober 2022, tiada kutipan bayaran balik yang diterima daripada guru KAFA tersebut.

#### Pernyataan Audit

Pembayaran tidak teratur elaun guru KAFA dan caruman majikan menyebabkan berlaku elaun terlebih bayar berjumlah RM259,748. Sejumlah RM147,809 atau 56.9% daripada jumlah tersebut berisiko tidak dapat dikutip semula kerana melibatkan guru KAFA yang telah meletakkan jawatan, telah ditamatkan perkhidmatan atau telah bersara.

## 5. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop Audit, dapat dirumuskan pembayaran elaun guru KAFA di JAIP tidak diurus dengan teratur. Kelemahan yang berlaku menyebabkan bayaran elaun guru KAFA dan caruman majikan sejumlah RM259,748 telah terlebih bayar.

## 6. SYOR AUDIT

Bagi memastikan bayaran elaun guru KAFA dilaksanakan dengan teratur, JAIP perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- 6.1. mengambil tindakan untuk mengutip balik elaun terlebih bayar termasuk mempertimbangkan untuk mengambil tindakan perundangan terhadap guru KAFA terlibat sekiranya gagal membuat bayaran balik;

6.2. pegawai yang bertanggungjawab terhadap kecuaiian dalam pembayaran elaun terlebih bayar hendaklah dikenal pasti dan diambil tindakan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa; dan

6.3. meningkatkan penyeliaan dan pemantauan terhadap pengurusan bayaran elaun guru KAFA dan kaedah kutipan bayaran balik elaun terlebih bayar selaras dengan peraturan yang ditetapkan.